

BERITA

GERBANG INOVASI | KUALITI | PRODUKTIVITI

SUKU TAHUN (4/2020)



MAJLIS PERBANDARAN TAIPING

DITERBITKAN
SEJAK
2002

SAMBUTAN HARI ANTIRASUAH ANTARABANGSA (HARA) 2020

9 DIS 2020 - YBrS Tuan Khairul Amir bin Mohamad Zubir, Yang Dipertua MPT menyempurnakan sambutan Hari Antirasuah Antarabangsa (HARA) 2020 peringkat negeri Perak bertempat di Dewan Teratai, Tingkat 7, Wisma Perbandaran Taiping pada pagi ini.



Bagi sambutan tahun ini, tema 'PBT Perangi Pemberi Rasuah' telah dipilih dalam usaha bersama PBT di seluruh Malaysia dalam usaha memerangi rasuah serta mencerminkan nilai integriti dalam menunaikan kewajipan sebagai PBT yang bebas rasuah. Turut hadir bersama Puan Fariza binti Omar, Ketua Cawangan SPRM Taiping, Encik Patrick Lau Thean Soo, Timbalan Pengerusi Yayasan Anti Rasuah Malaysia Negeri Perak, Encik Kamaruzzaman bin Kamari, Setiausaha Perbandaran MPT, Ketua-ketua Jabatan dan Bahagian serta pegawai-pegawai kanan MPT.


PROGRAM BANTUAN PASCA BANJIR KAMPUNG PANTAI BESAR



14 NOV 2020 - Seramai 20 orang sukarelawan termasuk anggota Jabatan Kejuruteraan MPT dan Jabatan Perkhidmatan Bandar dan Kesihatan MPT turun padang membantu membersihkan kawasan perkampungan Pantai Besar, Batu Kurau dalam Program Bantuan Pasca Banjir. Program bermula seawal 9.00 pagi untuk

mencuci kawasan yang terlibat banjir di mana semua peralatan di bawa sendiri oleh para sukarelawan. Misi ini bertujuan meringankan beban masyarakat yang ditimpa bencana selain memupuk nilai persaudaraan serta menanamkan sifat kemanusiaan semangat sukarelawan sepasukan. Turut hadir bersama Ahli Majlis MPT iaitu Clr. Puan Saliza binti Ahmad dan Clr. Encik Mohd Kahar Shamsudin bin Tahir.

MPT BERSAMA MEMERANGI COVID-19



Pelancaran Aplikasi myMPT

29 Julai 2020 – YBrs Tuan Khairul Amir Mohamad Zubir, Yang Dipertua Majlis Perbandaran Taiping Majlis Pelancaran Aplikasi myMPT pada pagi ini. Aplikasi myMPT dibangunkan bagi tujuan menyemak dan membayar Cukai Taksiran, Lesen, Sewaan Gerai dan Kompaun MPT secara dalam talian melalui telefon pintar pengguna. Pelancaran Aplikasi ini merupakan inisiatif Majlis Perbandaran Taiping kepada usaha ke arah keberkesanan sistem dan penyampaian perkhidmatan yang lebih berkesan serta pemudah cara urusan orang ramai. Bermula penggal kedua tahun 2020 MPT tidak lagi mengepos bil cukai taksiran kepada pembayar-pembayar cukai taksiran di kawasan pentadbiran MPT seperti mana kelaziman, sebaliknya bil tersebut dikeluarkan secara dalam talian. Ini bagi menyesuaikan budaya norma baharu bagi situasi pandemik COVID-19.



LAWATAN TURUN PADANG YANG DIPERTUA MAJLIS PERBANDARAN TAIPING



19 OKT

Lawatan Turun Padang (TURPA) YBrs Tuan Khairul Amir bin Mohamad Zubir, Yang Dipertua Majlis Perbandaran Taiping ke tapak Projek Pembangunan Kebun Komuniti di PPR Simpang Perdana dan Projek Pembinaan Tandas Awam Kuala Sepetang. Lawatan ini adalah untuk meninjau dan memantau pelaksanaan projek yang kini berada di peringkat pelaksanaan. YDP juga meluangkan masa untuk melawat kawasan Jeti Kuala Sepetang dan tempat pelancongan Kilang Kopi Antong di Aulong. Turut hadir Encik Kamaruzzaman bin Kamari, Setiausaha Perbandaran, Tuan Haji Mohd Yusoff bin Haji Caroshau, Pengarah Kejuruteraan, Encik Roslee bin Ahmad Rafie, Pengarah Pelesenan Penguatkuasaan serta Pegawai-pegawai kanan MPT.




GARIS PANDUAN KAWALAN INFEKSI EDISI 2020

Jabatan Perkhidmatan Bandar dan Kesihatan, MPT telah mewujudkan Panduan Kawalan Infeksi Edisi kedua bagi tahun 2020. Panduan ini boleh digunakan bagi tujuan sanitasi sendiri yang meliputi bahan-bahan dan peralatan perlindungan diri yang bersesuaian.

MAJLIS PENGANUGERAHAN BINTANG PENYAMPAIAN PERKHIDMATAN PIHAK BERKUASA TEMPATAN

5 NOV 2020 – YBrs. Tuan Khairul Amir bin Mohamad Zubir, Yang Dipertua MPT bersama Encik Kamaruzzaman bin Kamari, Setiausaha Perbandaran MPT bersama Ketua-ketua Jabatan menyaksikan secara langsung melalui FB Live Majlis Penganugerahan Bintang Penyampaian Perkhidmatan Pihak Berkuasa Tempatan. #mpt #taiping #perak #kpkt #spbpb



" KEJAYAAN HARI ESOK BERMULA DENGAN USAHA HARI INI "
" i cannot change yesterday but i can change today "

Diterbit oleh : Bahagian Kualiti

Editor : Tn Hj Norazlani b Hamadudin
 Urusetia : En Muhamad Sufishahiran b Suhaimi